

Kempen e-Duit Raya 2021

Tempoh Kempen

“**Kempen e-Duit Raya 2021**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) bermula pada 13 Mei 2021 dan berakhir pada 31 Mei 2021 (“**Tempoh Kempen**”), termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya.

HLB dan HLISB secara kolektif akan dikenali sebagai “Bank”.

Terma dan Syarat

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu sedia ada dan baharu, yang memegang akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“**CASA / CASA-i**”) dan yang telah mendaftar dengan Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“**HLB Connect**”) sebelum atau semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan**”).
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan bankrap atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen tidak layak menyertai atau serta-merta akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen.

Tatacara Kempen dan Pemilihan Pemenang

3. Pelanggan dikehendaki membuat pindahan dana minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima (RM5) melalui ikon e-Duit Raya pada skrin log masuk Aplikasi HLB Connect untuk layak menyertai pemilihan pemenang (“**Transaksi yang Layak**”).
4. Transaksi Layak yang ke-100 dan setiap 100 yang seterusnya pada hari itu akan dipilih sebagai pemenang (“**Pemenang**”). Setiap Pemenang akan menang Ringgit Malaysia Lima (RM5) dan jika Pemenang merupakan pelanggan HLB Connect yang baharu yang mendaftar dengan HLB Connect dalam Tempoh Kempen, mereka akan menang pulangan tunai tambahan Ringgit Malaysia Lima (RM5). Ini menjadikan jumlah pulangan tunai sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) (“**Hadiah Wang Tunai**”). Pelanggan boleh menang beberapa kali tanpa had sepanjang Tempoh Kempen.
5. Urutan Transaksi yang Layak harian disusun berdasarkan tarikh dan masa transaksi berjaya dilaksanakan. Urutan akan ditentukan berdasarkan tarikh dan waktu yang dirakamkan oleh sistem Bank.

Pengumuman Pemenang dan Pembayaran Hadiah Wang Tunai

6. Terdapat maksimum 1,000 Pemenang setiap hari, dan sejumlah 19,000 Pemenang sepanjang Tempoh Kempen untuk Hadiah Wang Tunai.
7. Pengumuman Pemenang akan dibuat dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas tamat Tempoh Kempen menerusi laman web kempen di <https://www.hlb.com.my/eduitraya> (“**Laman Web Kempen**”) dan/atau platform Media Sosial Bank.
8. Semua Hadiah Wang Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i yang dimiliki oleh Pemenang dengan Bank sebelum atau pada 31 Ogos 2021 (“**Tarikh Hadiah**”).
9. Sekiranya Pemenang tidak menerima Hadiah Wang Tunai dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Hadiah, mereka hendaklah memaklumkan kepada Bank tentang Hadiah Wang Tunai yang

tidak diterima. Sekiranya gagal berbuat demikian, mereka akan dianggap sebagai telah menerima Hadiah Wang Tunai dan sebarang permintaan untuk pembayaran balik Hadiah Wang Tunai tidak akan dilayan oleh Bank.

10. Untuk tujuan memberi masa yang cukup untuk memenuhi Hadiah Wang Tunai, Pemenang mesti mengekalkan CASA/CASA-i mereka aktif dan sah sehingga 31 Ogos 2021 untuk memenuhi syarat Hadiah Wang Tunai. Jika gagal, Hadiah Wang Tunai akan dilucutkan atas budi bicara mutlak Bank.

Am

11. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
 - i. bahawa mereka telah membaca, memahami dan terikat dengan T&S yang terkandung;
 - ii. mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi HLB/HLISB. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web HLB (www.hlb.com.my) dan laman web HLISB (www.hlisb.com.my);
 - iii. bahawa semua rekod tentang pengisian syarat pada Klausula 3, 4 dan 5 yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah tepat dan muktamad;
 - iv. bahawa keputusan HLB tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - v. bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan HLB sekiranya berlaku perubahan;
 - vi. mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
 - vii. bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
12. HLB berhak:
 - i. dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen dan/atau halaman Media Sosial rasmi HLB; dan
 - ii. untuk membatalkan Hadiah Wang Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai.
13. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun, T&S Kempen yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.
14. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
15. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

16. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.